

277 pelajar sertai Program Selangkah Ke Universiti

NST 05.07.2012 7

KOTA KINABALU: Seramai 277 orang pelajar daripada 9 kawasan parlimen di negeri Sabah iaitu Kudat, Sandakan, Silam, Semporna, Beaufort, Sipitang, Pensiangan, Kota Belud dan Keningau telah menyertai Program Selangkah Ke Universiti di Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini.

Program yang berlangsung selama tiga hari ini dianjurkan oleh Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (BAKTI) dengan kerjasama UMS bertujuan memperkasa rakyat melalui usaha meningkatkan kesedaran di kalangan pelajar luar bandar mengenai peluang belajar di menara gading.

Perasmian penutup program itu disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pengangutan, Datuk Abd Rahim Bakri dan turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UMS, Prof Madya Datuk Dr. Kassim Mansur, juga Isteri Yang Dipertua Dewan Rakyat, Puan Sri Hadijah Teng Abdullah.

Menurut Pengurus Penganjurnya, Datin Maizatul Akmam Alawi, objektif program ini dianjurkan bagi memberikan pendedahan kepada pelajar pelajar sekolah menengah Tingkat 4 dengan alam universiti untuk memberikan gambaran jelas misi mereka, memberikan semangat kepada pelajar untuk terus belajar bersungguh-sungguh disamping menggalakkan pelajar universiti untuk terlibat dengan aktiviti kemasyarakatan.

"Para pelajar akan dibawa ke universiti dan menjalani proses penerapan serta pendedahan kehidupan di kampus. Kumpulan sasar adalah pelajar yang tidak mempunyai ahli keluarga melanjutkan pengajian di universiti dan mereka yang mempunyai potensi untuk berjaya," katanya ketika ditemui selepas penutupan program itu di UMS, baru-baru ini.

Tambah Maizatul yang juga Setiausaha Politik Kepada Menteri Kewangan Sabah sejak program ini diperkenalkan pada tahun 2010

lebih dari 6,000.00 pelajar tingkatan 4 di seluruh negara dapat menikmati manfaat program ini.

Katanya, BAKTI menyedari hakikat tentang kepentingan pendidikan di negara ini dimana sebuah negara yang cemerlang memerlukan modal insan yang terlatih, terdidik dan mampan di mana ianya merupakan strategi jangka panjang bagi membebaskan masyarakat darupada kemiskinan.

"Program ini sedikit sebanyak turut memberikan anjakan paradigma kepada peserta bagi memberi semangat kepada mereka untuk terus belajar bersungguh-sungguh dan seterusnya memasuki alam universiti dengan lebih yakin," tambah Maizatul.

Sementara itu, ketika berucap semasa pentutupan program, Abdul Rahim yang juga Ahli Parlimen Kudat berharap para peserta akan menjadi program itu sebagai penerapan awal kepada mereka untuk mengenali universiti secara lebih dekat sekali gus mencetuskan azam kepada mereka untuk menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Katanya, melalui program itu ianya turut membuka mata para pelajar mengenai peluang peluang serta kemudahan pendidikan yang disediakan oleh kerajaan di hadapan mereka.

"Gunakanlah peluang dan kemudahan yang sediaada untuk memajukan diri dalam bidang pendidikan dengan menyamai sikap serta semangat untuk rajin belajar demi masa depan yang lebih cemerlang," katanya.

Sambil berharap program itu dapat diteruskan pada masa akan datang supaya lebih ramai pelajar khususnya dari luar bandar dapat menyertainya Abdul Rahim berkata ia dapat memberikan pendedahan kepada para remaja dengan kehidupan sebenar sebagai seorang mahasiswa di Universiti, dalam erti, program ini adalah untuk mendapatkan aura ataupun 'feel' kehidupan di kampus sebelum para peserta bergelar mahasiswa atapun mahasiswa.



ABDUL RAHIM diringi oleh Maizatul, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UMS Prof Madya Datuk Dr. Kassim Mansur juga dan Puan Sri Hadijah ketika menyampaikan sijil penyertaan kepada salah seorang pelajar yang menyertai program itu.



SEBILANGAN pelajar dari sembilan kawasan Parlimen di Sabah yang terpilih menyertai program itu.